

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2011**

---

**BAYARAN INSENTIF PAKAR, BAYARAN INSENTIF KESIHATAN  
AWAM PEGAWAI PERGIGIAN DAN BAYARAN INSENTIF  
PEGAWAI KESIHATAN DAERAH**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksana dan memperkemaskan pemberian Bayaran Insentif Pakar (BIP) kepada Pegawai Perubatan Pakar (Klinikal/ Kesihatan Awam) serta Pegawai Pergigian Pakar (Klinikal), Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian dan Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah.

## LATAR BELAKANG

2. Sebagaimana dimaklumi, pada masa ini terdapat dua (2) Pekeliling Perkhidmatan dan satu (1) Surat Pekeliling Perkhidmatan yang menggariskan pemberian insentif yang berkaitan dengan skop fungsi tugas kepakaran dan kesihatan awam. Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

- 2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1990;
- 2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2009 (PP Bil. 20/2009);  
dan
- 2.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008.

3. Selaras dengan keperluan untuk menggalakkan Pegawai Perubatan menjadi pakar dalam bidang kesihatan awam dan memperkasakan bidang kesihatan awam dalam meningkatkan taraf kesihatan rakyat Malaysia, kerajaan telah bersetuju untuk menambahbaik pakej saraan Pegawai Perubatan Pakar (Kesihatan Awam). Di samping itu, dalam memastikan pelaksanaan BIP dan Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam (BIPKA) adalah teratur, maka didapati wajar untuk menyatukan Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan bagi memudahkan pelaksanaannya.

4. Juga, berlandaskan prinsip dan kriteria pemberian elaun serta mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan BIPKA kepada Pegawai Pergigian (Kesihatan Awam) dan Pegawai Kesihatan Daerah, maka nama BIPKA dijenamakan semula dengan membahagikan kepada dua (2) kategori iaitu:

- 4.1 Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian (BIKAP); dan
- 4.2 Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah (BIPKD).

## TAFSIRAN

5. Dalam Pekeliling ini,

**“Pegawai Perubatan Pakar (Klinikal/ Kesihatan Awam)”** bererti Pegawai Perubatan/ Pensyarah Perubatan yang diwartakan sebagai pakar oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (KPK) atau Jawatankuasa Khas Perubatan/ Jawatankuasa Khas setaraf dengannya yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk tujuan yang sama;

**“Pegawai Pergigian Pakar (Klinikal)”** bererti Pegawai Pergigian/ Pensyarah Pergigian yang diwartakan sebagai pakar oleh KPK atau Jawatankuasa Khas Perubatan/ Jawatankuasa Khas setaraf dengannya yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk tujuan yang sama;

**“Pegawai Pergigian (Kesihatan Awam)”** bererti Pegawai Pergigian/ Pensyarah Pergigian yang mempunyai kelulusan dalam bidang kesihatan awam yang diiktiraf oleh kerajaan dan diwartakan oleh KPK atau diiktiraf oleh Jawatankuasa Khas Perubatan/ Jawatankuasa Khas setaraf dengannya yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk tujuan yang sama;

**“Pegawai Kesihatan Daerah”** bererti Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan ditugaskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai Pegawai Kesihatan Daerah bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam secara sepenuh masa termasuk penguatkuasaan akta/ ordinan yang berkuat kuasa;

**“Jawatankuasa Khas Perubatan atau Jawatankuasa Khas setaraf dengannya”** bererti jawatankuasa yang ditubuhkan setelah mendapat persetujuan daripada KPK; dan

“Pegawai” bererti Pegawai Perubatan Pakar (Klinikal/ Kesihatan Awam), Pegawai Pergigian Pakar (Klinikal), Pegawai Pergigian (Kesihatan Awam) dan Pegawai Kesihatan Daerah, mana-mana yang berkenaan.

## PELAKSANAAN

### Bayaran Insentif Pakar

6. Kerajaan telah bersetuju kadar BIP yang sedang dinikmati oleh Pegawai Perubatan Pakar (Klinikal) dan Pegawai Pergigian Pakar (Klinikal) yang diwartakan sebagai pegawai pakar di bawah Perintah 27 Perintah Am Bab F Tahun 1974 turut **dipanjangkan** kepada Pegawai Perubatan Pakar (Kesihatan Awam) seperti di **Jadual 1**:

**Jadual 1: Kadar BIP bagi Pegawai Perubatan Pakar (Klinikal/ Kesihatan Awam) dan Pegawai Pergigian Pakar (Klinikal)**

GRED (U, UD, DU, DUG)	KADAR SEMASA
	(RM SEBULAN)
Utama/ Khas C dan ke atas	3,100
53 dan 54	2,800
51 dan 52	2,500
47 dan 48	2,200
45	2,000
43 dan 44	1,900
41	1,600

7. BIP layak dibayar kepada Pegawai Perubatan Pakar (Kesihatan Awam) yang mematuhi **syarat-syarat pewartaan** yang ditetapkan seperti berikut:

7.1 merupakan Pengamal Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan

7.2 mempunyai kelulusan seperti berikut:

7.2.1 Sarjana Kesihatan Awam [*Master in Public Health* (MPH)/ *Master in Hospital Administration* (MHA)/ *Master in Health Planning* (MHP)] dengan mengikuti pengajian selama empat (4) tahun; atau

7.2.2 mempunyai kelulusan Sarjana Kesihatan Awam (MPH/ MHA/ MHP) dengan mengikuti pengajian selama satu (1) tahun dan Doktorat Kesihatan Awam (DrPH) selama tiga (3) tahun; atau

7.2.3 mempunyai kelulusan MPH/ MHA/ MHP dengan mengikuti pengajian selama satu (1) tahun pengajian sebelum tahun 2000 dan telah berkhidmat dalam bidang kesihatan awam selama lapan (8) tahun;

dan

7.3 diwartakan sebagai pakar oleh KPK atau Jawatankuasa Khas Perubatan/ Jawatankuasa Khas setaraf dengannya yang ditubuhkan oleh kerajaan.

8. Pegawai Perubatan lulusan Sarjana Kesihatan Awam yang mengikuti pengajian kurang daripada empat (4) tahun pada tahun 2000 dan selepasnya, tidak layak diwartakan sebagai pakar.

9. Semua kelulusan ijazah yang dinyatakan di perenggan 7 di atas, mestilah diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian

10. Di atas falsafah bahawa BIPKA<sup>1</sup> yang diperuntuk di bawah PP Bil. 20/2009 adalah diberi kepada Pegawai Perubatan/ Pegawai Pergigian yang melaksanakan skop fungsi tugas kesihatan awam secara sepenuh masa, maka insentif ini dikekalkan untuk Pegawai Pergigian (Kesihatan Awam) dengan nama BIKAP pada kadar yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 2**:

**Jadual 2: Kadar BIKAP bagi Pegawai Pergigian (Kesihatan Awam)**

GRED (U, DUG)	KADAR SEMASA
	(RM SEBULAN)
Utama/ Khas C dan ke atas	2,480
53 dan 54	2,240
51 dan 52	2,000
47 dan 48	1,760
45	1,600
43 dan 44	1,520
41	1,280

11. BIKAP layak dibayar kepada Pegawai Pergigian (Kesihatan Awam) yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- 11.1 merupakan Pengamal Pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia;
- 11.2 pegawai yang **diwartakan** oleh KPK atau **diiktiraf** oleh Jawatankuasa Khas Perubatan/ Jawatankuasa Khas setaraf dengannya bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam; dan

<sup>1</sup> Digugurkan selaras dengan pemberian BIP kepada Pegawai Perubatan (Kesihatan Awam) mengikut syarat-syarat di perenggan 7 Pekeliling Perkhidmatan ini.

- 11.3 pegawai memiliki kelulusan lepasan ijazah dalam bidang kesihatan awam yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah**

12. Di atas falsafah bahawa BIPKA pada kadar RM250 yang diperuntuk di bawah PP Bil. 20/2009 adalah diberi kepada Pegawai Perubatan/ Pegawai Pergigian yang tidak memiliki kelulusan lepasan ijazah dalam bidang kesihatan awam tetapi diwartakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam, maka insentif ini dikekalkan untuk Pegawai Kesihatan Daerah dengan nama BIPKD pada kadar yang berkuat kuasa iaitu RM250 sebulan. Pegawai Kesihatan Daerah ini mestilah merupakan Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan ditugaskan oleh KKM untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam secara sepenuh masa termasuk penguatkuasaan akta/ ordinan yang berkuat kuasa.

### **SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN**

13. Pemberian BIP adalah diluluskan kepada pegawai yang mempunyai kepakaran yang diiktiraf dalam bidang klinikal atau kesihatan awam dan pembayarannya adalah tertakluk pada syarat-syarat berikut:

- 13.1 dibayar mulai tarikh pegawai diwartakan sebagai pakar atau tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian;
- 13.2 boleh terus dibayar kepada pegawai yang diluluskan cuti bergaji penuh. Bagi pegawai yang diluluskan cuti separuh gaji, maka pegawai hanya layak dibayar separuh daripada kadar BIP yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, BIP tidak layak dibayar kepada pegawai yang diluluskan cuti tanpa gaji;

- 13.3 dibayar secara *proportionate* dalam keadaan di mana tempoh perkhidmatan pegawai tidak genap satu (1) bulan kalendar. Kaedah pengiraan secara *proportionate* BIP adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Bilangan hari berkhidmat}}{\text{Bilangan hari dalam sesuatu bulan}} \times \text{Kadar sebulan}$$

- 13.4 pegawai yang turut memenuhi syarat kelayakan Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital, hanya layak dibayar satu jenis bayaran insentif sahaja, mengikut mana-mana kadar yang lebih tinggi; dan
- 13.5 pegawai yang ditahan kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan dibenarkan menerima separuh gaji atau sebahagian daripada gaji bulanannya, layak dibayar BIP mengikut kadar yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan.

14. Pemberian BIKAP yang tertakluk kepada syarat-syarat di perenggan 11 atau BIPKD di perenggan 12 adalah diluluskan kepada pegawai yang menjalankan skop fungsi tugas kesihatan awam secara sepenuh masa. Syarat-syarat pembayarannya adalah seperti berikut:

- 14.1 dibayar mulai tarikh pegawai diwartakan bagi melaksana tugas-tugas kesihatan awam atau tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian;
- 14.2 dibayar secara *proportionate* dalam keadaan di mana tempoh perkhidmatan pegawai tidak genap satu (1) bulan kalendar. Kaedah pengiraan secara *proportionate* BIKAP atau BIPKD adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Bilangan hari berkhidmat}}{\text{Bilangan hari dalam sesuatu bulan}} \times \text{Kadar sebulan}$$



- 14.3 pegawai yang turut memenuhi syarat kelayakan Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital, hanya layak dibayar satu jenis bayaran insentif sahaja, mengikut mana-mana kadar yang lebih tinggi; dan
- 14.4 pembayaran hendaklah **diberhentikan** apabila pegawai berada dalam keadaan-keadaan berikut:
- (a) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
  - (b) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
  - (c) Cuti Belajar Bergaji Penuh melebihi 92 hari;
  - (d) Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - (e) kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja; atau
  - (f) menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari berturut-turut.

## **PEMBATALAN**

15. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1990, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2009 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008 adalah **dibatalkan**.


## **TARIKH KUAT KUASA**

16. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2011**.

## PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
PUTRAJAYA

*29* Jun 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan